



## NOTIS

### SIASATAN AWAM KAJIAN SEMULA STANDARD MANDATORI UNTUK KUALITI PERKHIDMATAN CAPAIAN JALUR LEBAR TANPA WAYAR

**CYBERJAYA, 3 Oktober 2023** --- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) menjalankan Siasatan Awam bagi mengkaji semula Standard Mandatori Kualiti Perkhidmatan (*Mandatory Standard For Quality of Service; MSQoS*) Capaian Jalur Lebar Tanpa Wayar (*Commission Determination No.2 2021*), bermula dari **3 Oktober 2023** sehingga **21 November 2023**. Siasatan Awam ini dijalankan berdasarkan Seksyen 55, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588).

Siasatan Awam ini menggariskan cadangan awal MCMC berkenaan parameter Kualiti Perkhidmatan (*Quality of Service; QoS*) dan Kualiti Pengalaman (*Quality of Experience; QoE*) bagi perkhidmatan Jalur Lebar Tanpa Wayar. Kajian semula ini bertujuan menambah baik kualiti perkhidmatan dan pengalaman pengguna.

MCMC menjemput orang awam, pihak industri dan pihak yang berminat untuk mengemukakan pandangan bertulis dalam bentuk salinan cetak dan elektronik kepada soalan dan cadangan pada Kertas Siasatan Awam ini yang boleh dicapai di laman sesawang MCMC di pautan berikut:

<https://mcmc.gov.my/en/resources/reports/information-paper/public-inquiry-on-revision-of-mandatory-standards>

Responden perlu mengusulkan pendapat bersama justifikasi dan sekiranya ada, mengemukakan informasi berkaitan atau sumber rujukan bagi menyokong pandangan tersebut. Siasatan Awam ini akan berakhir pada **12:00 tengah hari, 21 November 2023**.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia**  
MCMC HQ Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor  
(Perhatian: Jabatan Pembangunan Standard Kualiti, Bahagian Hal Ehwal  
Pengguna dan Industri)  
E-mel: [gos.dept@mcmc.gov.my](mailto:gos.dept@mcmc.gov.my)  
No. Tel.: +603 8688 8000